



MASAKAREE ARDAE @ NIK MUHAMMAD SYUKRI NIK WAN

Sejarah Pembahagian *Tauhid Rububiyyah*, *Tauhid Uluhiyyah*, dan *Tauhid Asma wa Sifat* dalam Pengajian *Usuluddin*

ABSTRAKSI: Segolongan ulama bidang pengajian *Usuluddin* telah membahagikan *Tauhid* kepada tiga bahagian, iaitu: *Tauhid Rububiyyah*, *Tauhid Uluhiyyah*, dan *Tauhid Asma wa Sifat*. Pembahagian tersebut dikenali kemudiannya sebagai “*Tauhid Tiga Serangkai*”. Ibnu Taimiyyah, atau nama penuhnya ialah Abul Abbas Taqiy ad-Din Ahmad bin Abdus Salam bin Abdullah bin Taimiyyah al-Harrani, adalah individu yang sering dikaitkan dengan pembahagian *Tauhid* kepada tiga bahagian. Namun, sejauh manakah keabsahan dakwaan terhadap beliau, ianya masih menjadi suatu polemik yang belum diselesaikan. Oleh itu, tujuan makalah ini adalah untuk mengkaji kesejarahan “*Tauhid Tiga*” dan para ulama yang bertanggungjawab terhadap penyebaran pembahagian tersebut. Makalah ini menggunakan analisis kandungan melalui data perpustakaan serta kaedah dan pendekatan kualitatif. Dapatan kajian menunjukkan bahawa kandungan unsur-unsur *Tauhid Rububiyyah*, *Tauhid Uluhiyyah*, dan *Tauhid Asma wa Sifat* sudah wujud secara kontekstual sebelum zaman Ibnu Taimiyyah lagi. Namun, pembahagiannya telah direkodkan secara tekstual oleh Ibnu Taimiyyah pada abad ke-14 TM (Tahun Masihi) dalam “*Majmu’ Fatawa*”; dan disebar kemudiannya oleh Muhammad bin ‘Abd al-Wahhab dan para pengikutnya, seperti: al-Sa’diy, al-Uthaymin, al-Fawzan, dan lain-lain.

KATA KUNCI: Pembahagian *Tauhid*; *Tauhid Rububiyyah*; *Tauhid Uluhiyyah*; *Tauhid Asma wa Sifat*.

ABSTRACT: “An Historical Account on the Oneness of Lordship, Oneness of Godship, and Oneness of Names and Attributes in the *Usuluddin* Studies”. Some scholars of *Usuluddin* studies have characterized the *Tawheed* into 3 basic principles, namely: the Oneness of Lordship, the Oneness of Godship, and the Oneness of Names and His Attributes. These 3 basic principles of *Tawheed* prominent as the “*Triumvirate of Tawheed*”. Affiliately, the *Triumvirate of Tawheed* usually associated to Ibnu Taimiyyah, whose the full name is Abul Abbas Taqiy ad-Din Ahmad bin Abdus Salam bin Abdullah bin Taimiyyah al-Harrani. But, the extent of the validity of the charges against him still being a polemic that has not been resolved. Accordingly, the objective of this paper is to examine an historical account on the three basic of *Tawheed* and scholars who are responsible for spreading. This study used content analysis through library data and qualitative approach and method. The research findings showed that the principles of Oneness of Lordship, Oneness of Godship, and Oneness of Names and His Attributes were enhanced by earlier Muslim scholars before it was engraved textually in early 14th century at “*Majmu’ Fatawa*” by Ibnu Taimiyyah. Ultimately, the ideas were promulgated blindly by Muhammad bin ‘Abd al-Wahhab and his acolytes, such as: al-Sa’diy, al-Uthaymin, al-Fawzan, etc.

KEY WORD: Classification of *Tawheed*; Oneness of Lordship; Oneness of Godship; Oneness of Names and Attributes.

About the Author: Dr. Masakaree Ardae @ Nik Muhammad Syukri Nik Wan ialah Pensyarah Kanan di Fakulti Pengajian Islam USAS (Universiti Sultan Azlan Shah), 33000 Bukit Chandan, Kuala Kangsar, Perak Darul Ridzuan, Malaysia. Bagi urusan sebarang akademik, penulis boleh dihubungi dengan alamat emel: masakaree@usas.edu.my dan mohdsyukri_nikwan@yahoo.com

Suggested Citation: Syukri Nik Wan, Masakaree Ardae @ Nik Muhammad. (2019). “Sejarah Pembahagian *Tauhid Rububiyyah*, *Tauhid Uluhiyyah*, dan *Tauhid Asma wa Sifat* dalam Pengajian *Usuluddin*” in *INSANCITA: Journal of Islamic Studies in Indonesia and Southeast Asia*, Volume 4(1), February, pp.17-34. Bandung, West Java, Indonesia: Minda Masagi Press owned by ASPENSI, with ISSN 2443-1776 (print) and ISSN 2657-0491 (online).

Article Timeline: Accepted (September 16, 2018); Revised (November 10, 2018); and Published (February 28, 2019).

PENDAHULUAN

Pengakuan kesaksian Ketuhanan Allah SWT (*Subhanahu Wa-Ta'ala*) telah berlaku di alam roh setelah keturunan anak-anak Adam AS (*Allaihi Salam*) dikeluarkan dari *sulbi* mereka. Peristiwa ini telah dinyatakan oleh *Al-Qur'an*, menerusi firman Allah SWT dalam surah *Al-A'raf*, Juz 9:172, sebagai berikut:

وَإِذْ أَخَذَ رَبُّكَ مِن بَنِي آدَمَ مِنْ ظُهُورِهِمْ ذُرِّيَّتَهُمْ
وَأَشْهَدَهُمْ عَلَى أَنْفُسِهِمْ أَلَسْتُ بِرَبِّكُمْ قَالُوا بَلَى
شَهِدْنَا أَنْ تَقُولُوا يَوْمَ الْقِيَامَةِ إِنَّا كُنَّا عَنْ هَذَا
غَافِلِينَ

Terjemahan:

Dan (ingatlah), ketika Tuhanmu mengeluarkan keturunan anak-anak Adam dari sulbi mereka dan Allah mengambil kesaksian terhadap jiwa mereka (seraya berfirman): "Bukankah Aku Ini Tuhanmu?" Mereka menjawab: "Betul (Engkau Tuhan kami), kami menjadi saksi". (Kami lakukan yang demikian itu) agar di Hari Kiamat kamu tidak mengatakan: "Sesungguhnya kami (Bani Adam) adalah orang-orang yang lengah terhadap ini atau Keesaan Tuhan" (dipetik dalam Basmeih, 2000).

Ayat di atas menunjukkan bahawa mentauhidkan Allah SWT (*Subhanahu Wa-Ta'ala*) amat penting bagi seseorang manusia; dan ia tidak dapat dipisahkan daripada kehidupan mereka hingga ke hari Akhirat. Dalam rangka menjayakan kehidupan seseorang manusia di dunia dan akhirat, tauhid perlu diakui menerusi hati, lidah, dan amalan zahir. Setiap individu dituntut agar memahaminya secara jelas dan melepasi tahap taklid buta (Bruinessen, 1995; al-Rasyid, 2004; Yulianti, 2008; dan Saifullah, 2015). Sesiapa yang mengingkari *tauhid* boleh menyebabkan kekufuran, sebagaimana firman Allah SWT dalam *Al-Qur'an*,

surah *Muhammad*, juz 26:19, seperti berikut:

فَاعْلَمْ أَنَّهُ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ

Terjemahan:

Maka ketahuilah bahawa sesungguhnya tiada Tuhan melainkan Allah (dipetik dalam Basmeih, 2000).

Al-Qur'an dan kitab-kitab samawi lain menamakan "Allah" merujuk kepada Tuhan Yang Memiliki Segala Sifat Keindahan dan Kebesaran. Beriman kepada Allah STW (*Subhanahu Wa-Ta'ala*) dengan mentauhid-Nya merupakan nadi utama bagi rukun Iman yang wajib dipercayai oleh setiap orang Muslim dan dipelajari dalam bidang pengajian *Usuluddin* (Abd Allah, 1418 AH; Wahid, 2005; dan Jawas, 2012). Firman Allah SWT dalam *Al-Qur'an*, surah *Al-Nisaa*, juz 5:136, menyatakan sebagai berikut:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا آمِنُوا بِاللَّهِ وَرَسُولِهِ وَالْكِتَابِ
الَّذِي نَزَّلَ عَلَى رَسُولِهِ وَالْكِتَابِ الَّذِي أَنْزَلَ مِنْ
قَبْلُ وَمَنْ يَكْفُرْ بِاللَّهِ وَمَلَائِكَتِهِ وَكُتُبِهِ وَرُسُلِهِ
وَالْيَوْمِ الْآخِرِ فَقَدْ ضَلَّ ضَلَالًا بَعِيدًا

Terjemahan:

Wahai orang-orang yang beriman! Tetapkanlah iman kamu kepada Allah dan Rasul-Nya, dan kepada Kitab Al-Quran yang telah diturunkan kepada Rasul-Nya (Muhammad SAW), dan juga kepada Kitab-kitab Suci yang telah diturunkan dahulu daripada itu. Dan sesiapa yang kufur ingkar kepada Allah, dan Malaikat-malaikat-Nya, dan Kitab-kitab-Nya, dan Rasul-rasul-Nya, dan juga Hari Akhirat, maka sesungguhnya ia telah sesat dengan kesesatan yang amat jauh (dipetik dalam Basmeih, 2000).

Dalam rangka usaha memperkasakan *Tauhid* kepada Allah SWT (*Subhanahu Wa-Ta'ala*), segolongan ulama telah

membahagikan kepada tiga bahagian, iaitu *Tauhid Rububiyah*,¹ *Tauhid Uluhiyyah*,² dan *Tauhid Asma wa Sifat*.³ Pembahagian tersebut, dikenali kemudiannya sebagai “Tauhid Tiga Serangkai” (Sadr al-Din, 1418 AH; al-Sa’diy, 1419 AH; dan al-‘Uthaymin, 1422 AH dan 1995).

Artikel ini, dengan mengguna-pakai teknik analisis kandungan melalui data perpustakaan, serta pendekatan dan kaedah kualitatif (Bleicher, 1980; Taylor & Bogdan, 1984; Zed, 2004; Hamzah, 2010; Kaelan, 2010; dan Jasmi, 2012) bertujuan mengemukakan fakta-fakta tentang pembahagian *Tauhid* dalam bidang pengajian *Usuluddin* bagi tujuan memperkukuhkan pendirian *Ahli Sunnah wal-Jama’ah* dalam bidang tersebut. Antara isu yang dibincangkan adalah kemunculan pembahagian *Tauhid*, rekod yang paling awal, serta tokoh-tokoh ulama yang bertanggungjawab terhadap penyebaran pembahagian tersebut.

DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Kemunculan Pembahagian Tauhid kepada Tauhid Rububiyah, Tauhid Uluhiyyah, dan Tauhid Asma wa Sifat.

Pada zaman Rasulullah Muhammad SAW (*Salallahu Alaihi Wassalam*), *Al-Qur’an* dan *Al-Sunnah* tidak pernah menyatakan tentang pembahagian *Tauhid* kepada *Tauhid Rububiyah*, *Tauhid Uluhiyyah*, dan *Tauhid Asma wa Sifat*. Pada zaman

para Sahabat dan *Tabi’in* pula, tidak terdapat mana-mana bukti jelas yang menunjukkan pembahagian tersebut telah berlaku. Mereka menetapkan Sifat-sifat Ketuhanan dan Kesempurnaan bagi Allah SWT (*Subhanahu Wa-Ta’ala*), dan mereka menyerahkan semua yang waham kekurangan kepada-Nya (Bruinessen, 1995; Khaldun, 2004; and Sudianto, 2017). Oleh yang demikian, kemunculan pembahagian *Tauhid* dalam bidang pengajian *Usuluddin* telah menimbulkan reaksi berbeza dari kalangan para ulama.

Penyokong kepada Ibnu Taimiyyah, yang nama penuhnya ialah Abul Abbas Taqiy ad-Din Ahmad bin Abdus Salam bin Abdullah bin Taimiyyah al-Harrani @ Ibnu Taimiyyah (2004), yang hidup pada 661-728 AH (*Anno Hijriah*)/1263-1328 TM (Tahun Masihi); Ibn Qayyim al-Jawziyya (2000), yang hidup pada 691-751 AH/1292-1349 TM; dan Muhammad bin ‘Abd al-Wahhab (1996), yang hidup pada 1115-1206 AH/1703-1791 TM, contohnya, percaya bahawa pembahagian tersebut telah berlaku sebelum masa Ibnu Taimiyyah lagi (al-Wahhab, 1996; al-Jawziyya, 2000; Ibnu Taimiyyah, 2004; and Bori & Holtzman eds., 2010).

Antara mereka adalah para ulama besar kerajaan Arab Saudi, seperti ‘Ali bin Muhammad bin Nasir al-Faqihi (1405 AH), yang lahir pada 1354 AH/1935 TM; Bakr Abu Zayd (1410 AH), yang hidup pada 1365-1429 AH/1944-2008 TM; dan ‘Abd al-Razaq bin ‘Abd al-Muhsin al-Badr (1414 AH dan 1993 TM), yang lahir pada 1382 AH/1963 TM. Turut disokong kepercayaan tersebut adalah Mohamad Abdul Kadir Sahak (2014), Penolong Pegawai Hal Ehwal Islam, Jabatan Mufti Negeri Perlis dan Panel Penyelidik IQ (Institut al-Qayyim), Pulau Pinang,

¹Allah SWT (*Subhanahu Wa-Ta’ala*) adalah Tuhan Penjadi, Raja Yang Mengurus bagi segala urusan. Lihat, contohnya, Muhammad bin Salih al-‘Uthaymin (1422 AH dan 1995).

²Allah SWT (*Subhanahu Wa-Ta’ala*) sahaja yang layak disembah, tiada sekutu bagi-Nya. Lihat, selanjutnya, ‘Ali bin ‘Ali bin Muhammad bin Abi al-‘Izz al-Hanafi Sadr al-Din (1418 AH).

³Menetapkan Sifat-sifat Kesempurnaan bagi Allah SWT (*Subhanahu Wa-Ta’ala*) seperti yang ditetapkan oleh-Nya, bagi diri-Nya, dan ditetapkan oleh Rasul-Nya bagi-Nya. Lihat, seterusnya, ‘Abd al-Rahman bin Nasir al-Sa’diy (1419 AH).

Malaysia (Zayd, 1410 AH; al-Faqihi, 1405 AH; al-Badr, 1414 AH dan 1993; dan Sahak, 2014).

Manakala penentang kepada penyokong Abul Abbas Taqiy ad-Din Ahmad bin Abdus Salam bin Abdullah bin Taimiyyah al-Harrani @ Ibnu Taimiyyah (2004) pula percaya bahawa beliau adalah individu pertama yang memperkenalkan pembahagian tersebut. Antara mereka adalah ulama besar Al-Azhar, iaitu Yusuf al-Dijwi (1981), yang hidup pada 1287-1365 AH/1870-1948 TM; ulama besar Indonesia, seperti Sirajuddin Abbas (2006), yang hidup pada 1323-1400 AH/1905-1980 TM; ulama besar kerajaan Arab Saudi, iaitu Al-Sayyid Muhammad bin 'Alawi al-Maliki al-Hasani (1424 AH), yang hidup pada 1367-1425 AH/1944-2004 TM; pengasas *Hizb al-Tajdid al-Islami* (Parti Pembaharuan Islam) di London, iaitu Mohammad bin 'Abd Allah al-Mas'ari (2004), yang lahir pada 1946; ulama besar Jordan, iaitu Hasan bin 'Ali al-Saqqaf (t.th.), yang lahir pada 1380 AH/1961 TM; dan para penyelidik Yayasan Sofa, Negeri Sembilan, Malaysia (al-Saqqaf, t.th.; al-Hasani, 1424 AH; al-Dijwi, 1981; al-Mas'ari, 2004; Ibnu Taimiyyah, 2004; dan Abbas, 2006).

'Ali bin Muhammad bin Nasir al-Faqihi (1405 AH), dalam pengenalan beliau terhadap Abu 'Abd Allah Muhammad bin Ishaq bin Yahya bin Mandah @ Ibn Mandah (1413 AH, 1986 dan 1990), yang hidup pada 310-395 AH/922-1005 TM, menyatakan bahawa bahagian *Tauhid Rububiyah*, *Tauhid Uluhiyyah*, dan *Tauhid Asma wa Sifat* telah dimasukkan oleh Abu 'Abd Allah Muhammad bin Ishaq bin Yahya bin Mandah @ Ibn Mandah dalam penulisannya yang bertajuk *Kitab al-Tauhid*

secara berasingan di antara *Tauhid Asma* dan *Tauhid Sifat* (Ibn Mandah, 1413 AH, 1986 dan 1990; dan al-Faqihi, 1405 AH).

Pembahagian *Tauhid* kepada *Tauhid Rububiyah*, *Tauhid Uluhiyyah*, dan *Tauhid Asma wa Sifat* tidak tertonjol dalam penulisan Abu 'Abd Allah Muhammad bin Ishaq bin Yahya bin Mandah @ Ibn Mandah (1413 AH) seperti ditonjolkan oleh para ulama terkemudian, kerana tumpuan penulisan beliau menjurus kepada *Wahdaniyah Allah* (Keesaan Allah pada perbuatan-Nya), seperti Allah Mencipta, Allah Mentadbir, dan Allah Mengurus; Nama-nama dan juga Sifat-sifat-Nya bukan kepada bahagian-bahagian *Tauhid* seperti didakwa (cf al-Faqihi, 1405 AH; Ibn Mandah, 1413 AH; dan al-Tabari, 2001).

Bakr Abu Zayd (1410 AH) pula menyatakan bahawa pembahagian *Tauhid* kepada *Tauhid Rububiyah*, *Tauhid Ibadah (Uluhiyyah)*, dan *Tauhid Asma wa Sifat* telah ditegaskan oleh tokoh-tokoh ulama salaf sebelum Abul Abbas Taqiy ad-Din Ahmad bin Abdus Salam bin Abdullah bin Taimiyyah al-Harrani @ Ibnu Taimiyyah (2004), seperti: Abu Ja'far Muhammad bin Jarir al-Tabari (2001), yang hidup pada 224-310 AH/839-923 TM; Abu 'Abd Allah Muhammad bin Ishaq bin Yahya bin Mandah @ Ibn Mandah (1413 AH); dan lain-lain (Zayd, 1410 AH; Ibn Mandah, 1413 AH; dan al-Tabari, 2001).

'Abd al-Razaq bin 'Abd al-Muhsin al-Badr (1414 AH) turut menyokong kenyataan Bakr Abu Zayd (1410 AH) berdasarkan nas-nas yang ditulis oleh Abu Yusuf Yaaqub bin Ibrahim bin Habib al-Kufi (t.th.), yang hidup pada 113-182 AH/731-798 TM, seorang murid kepada Imam Abu Hanifah (1988), yang hidup pada 80-150 AH/699-767 TM; Al-Imam Abu 'Abdi Allah 'Ubaid Allah

ibn Muhammad ibn Battah al-'Ukbariy @ Ibn Battah (1418 AH), yang hidup pada 304-387 AH/917-997 TM; dan Abu 'Abd Allah Muhammad bin Ishaq bin Yahya bin Mandah @ Ibn Mandah (1413 AH).

Mengikut 'Abd al-Razaq bin 'Abd al-Muhsin al-Badr (1414 AH), kata-kata *Al-Kufi* yang dinukilkan oleh Abu 'Abd Allah Muhammad bin Ishaq bin Yahya bin Mandah @ Ibn Mandah (1413 AH) di bahagian:

ذكر نزول الرب عز وجل يوم القيامة لفصل
القضاء

(sebutan tentang turun-Nya Tuhan Yang Maha Kuasa pada Hari Kiamat bagi tujuan Kehakiman) menunjukkan bahawa *Tauhid* telah dibahagikan kepada tiga bahagian (Ibn Mandah, 1413 AH; dan al-Badr, 1414 AH).

Nukilan tersebut menjelaskan tentang nasihat *Al-Kufi* supaya mengenal Allah SWT (*Subhanahu Wa-Ta'ala*) sebagai *Rab* (Tuhan) menerusi bukti-bukti ciptaan-Nya, Nama-nama, dan Sifat-sifat-Nya. Seterusnya, Allah SWT menyuruh kita menyembah, mentaati, dan mengesakan-Nya; di samping menjadi pengikut dan pendengar yang taat setia. Sekalipun nukilan ini mengandungi unsur-unsur *Tauhid Rububiyah*, *Tauhid Uluhiyyah*, dan *Tauhid Asma wa Sifat*, namun istilah-istilah tersebut dan pembahagian *Tauhid* kepada tiga bahagian tidak terdijelaskan dalam nukilan yang dikemukakan (Ibn Mandah, 1413 AH; dan al-Badr, 1414 AH).

Manakala Al-Imam Abu 'Abd Allah 'Ubaid Allah ibn Muhammad ibn Battah al-'Ukbariy @ Ibn Battah (1418 AH), dalam Bab

بَيَانُ كُفْرِ الْجَهْمِيَّةِ الَّذِينَ أَرَأَعَالَهُ قُلُوبُهُمْ مِمَّا
تَأْوَلُوهُ مِنْ مُتَشَابِهِ الْقُرْآنِ

(Kenyataan tentang kekufuran *Jahamiyyah* yang Allah memalingkan hati mereka dengan sebab mereka mentakwilkan ayat-ayat *Mutasyabihat* di dalam *Al-Qur'an*) pula, berkata seperti berikut:

وَذَلِكَ أَنَّ أَصْلَ الْإِيمَانِ بِاللَّهِ الَّذِي يَجِبُ عَلَى
الْخَلْقِ اعْتِقَادُهُ فِي اثْبَاتِ الْإِيمَانِ بِهٖ ثَلَاثَةٌ
أَشْيَاءٌ: أَحَدُهَا: أَنْ يَعْتَقِدَ الْعَبْدُ أَنَّيَّتَهُ لِيَكُونَ
بِذَلِكَ مُبَايِنًا لِمَذْهَبِ أَهْلِ التَّعْطِيلِ الَّذِينَ لَا
يُثْبِتُونَ صَانِعًا. الثَّانِي: أَنْ يَعْتَقِدَ وَحْدَانِيَّتَهُ
لِيَكُونَ مُبَايِنًا بِذَلِكَ مَذْهَبِ أَهْلِ الشِّرْكِ
الَّذِينَ أَقْرَبُوا بِالصَّانِعِ وَأَشْرَكُوا مَعَهُ فِي الْعِبَادَةِ
غَيْرُهُ. وَالثَّالِثُ: أَنْ يَعْتَقِدَهُ مَوْصُوفًا بِالصِّفَاتِ
الَّتِي لَا يَجُوزُ إِلَّا أَنْ يَكُونَ مَوْصُوفًا بِهَا مِنْ الْعِلْمِ
وَالْقُدْرَةِ وَالْحِكْمَةِ وَسَائِرِ مَا وَصَفَ بِهِ نَفْسَهُ
فِي كِتَابِهِ إِذْ قَدْ عَلِمْنَا أَنَّ كَثِيرًا مِمَّنْ يُقَرِّبُهُ
وَيُوحِدُهُ بِالْقَوْلِ الْمَطْلُوقِ قَدْ يُلْحِدُ فِي صِفَاتِهِ
فَيَكُونُ الْخَادِعُ فِي صِفَاتِهِ قَادِحًا فِي تَوْحِيدِهِ

Terjemahan:

Dan demikian itu, bahawa asas keimanan kepada Allah yang wajib bagi setiap makhluk beriktikad dalam menetapkan keimanan terhadap-Nya terdiri dari tiga perkara. Pertama: Yakin terhadap *Aaaniyyatahu* (menetapkan kewujudan-Nya) bertujuan membezakan dengan golongan *Ahl al-Ta'til* yang tidak percaya kewujudan Pencipta. Kedua: Yakin kepada *Wahdaniyyah* (Keesaan)-Nya, bertujuan membezakan dengan golongan *Musyrik*, yang mengakui adanya Pencipta serta mensyirikkan-Nya dengan yang lain dalam urusan beribadah mereka. Ketiga: Yakin terhadap-Nya Yang bersifat dengan sifat-sifat yang layak, seperti *al-Ilmu* (Maha Mengetahui), *al-Qudrah* (Maha Berkuasa), *al-Hikmah* (Maha Bijaksana), dan segala sifat yang Dia telah sifatkan diri-Nya di dalam kitab-Nya. Kita sedia maklum betapa banyak mereka yang berdamping diri dengan Allah dan meng-Esakan-Nya dengan perkataan secara

*mutlak, tetapi mereka menafikan sifat-sifat-Nya.
Penafian terhadap sifat-sifat-Nya telah mencacatkan
Tauhid mereka (Ibn Battah, 1418 AH).*

Teks daripada Al-Imam Abu 'Abdi Allah 'Ubaid Allah ibn Muhammad ibn Battah al-'Ukbariy @ Ibn Battah (1418 AH) tersebut telah diterjemahkan oleh Muhammad Abdul Karim Ishak (2014), sebagai bahan bukti yang menunjukkan bahawa pembahagian *Tauhid Tiga* telah diterima oleh generasi awal dalam kalangan ulama umat Islam. Dalam terjemahan tersebut, Muhammad Abdul Karim Ishak (2014) telah memasang makna atau pengertian bagi perkataan 'Āniyyatahu sebagai *Rabbāniyyah* (*Rubūbiyyah*). Berdasarkan teks, Al-Imam Abu 'Abdi Allah 'Ubaid Allah ibn Muhammad ibn Battah al-'Ukbariy @ Ibn Battah (1418 AH) tidak menyebut perkataan *Rabbāniyyah* atau *Rubūbiyyah*, *Ulūhiyyah*, dan 'Asmā' (cf Ibn Battah, 1418 AH; dan Ishak, 2014).

Perbincangan teks tersebut lebih menjurus kepada Kewujudan Allah SWT (*Subhanahu Wa-Ta'ala*) sebagai penolakan terhadap mereka yang tidak percaya tentang kewujudan-Nya; Keesaan Allah SWT sebagai penolakan terhadap mereka yang mensyirikkan-Nya; dan Allah SWT bersifat dengan segala sifat yang layak bagi-Nya, seperti dijelaskan di dalam Kitab Suci *Al-Qur'an*, sebagai penolakan terhadap mereka yang menafikan Sifat-sifat yang layak bagi-Nya (Yulianti, 2008; Jawas, 2012; dan Hanafi, 2014).

Tentang Abu Ja'far Muhammad bin Jarir al-Tabari (2001) pula, Mohamad Abdul Kadir Sahak (2014) telah mendatangi beberapa bukti yang menunjukkan bahawa pembahagian *Tauhid Tiga* diterima oleh Abu Ja'far Muhammad bin Jarir al-Tabari, menerusi penyenaian

kata-kata beberapa orang Sahabat Nabi Muhammad SAW (*Salallahu Alaihi Wassalam*) dan ulama *Tabi'in* dalam perbincangan beliau terhadap ayat 106, surah *Yusuf*, dalam *Al-Qur'an*, antaranya kata-kata: *'Ikrimah, Ibn 'Abbas, Qatadah*, dan *Mujahid* (al-Tabari, 2001; dan Sahak, 2014). Bukti ini adalah bukti yang hampir sama dengan bukti yang telah dikemukakan oleh PPI (Panel Penyelidik Institut) al-Qayyim pada tahun 2009 (PPI al-Qayyim, 2009; dan Sahak, 2014).

Sepanjang pentafsiran ayat tersebut, Abu Ja'far Muhammad bin Jarir al-Tabari (2001) tidak pernah menyebut perkataan *Tauhid Rubūbiyyah*, *Tauhid Ulūhiyyah*, dan *Tauhid 'Asmā' wa Sifāt*, serta juga pembahagiannya. Walau bagaimanapun, Abu Ja'far Muhammad bin Jarir al-Tabari tetap menyentuh fahaman *Tauhid Rubūbiyyah* dan *Tauhid Ulūhiyyah*, seperti Allah menjadikan langit, menjadikan bumi, menjadikan manusia, memberi rezeki, mematikan, dan masalah-masalah berkaitan dengan *Syirik* kepada-Nya (al-Tabari, 2001).

Dalam hal ini juga, Al-Sayyid Muhammad bin 'Alawi al-Maliki al-Hasani (1424 AH); Yusuf al-Dijwi (1981); Mohammad bin 'Abd Allah al-Mas'ari (2004); Sirajuddin Abbas (2006); dan Hasan bin 'Ali al-Saqqaf (t.th.) percaya bahawa pembahagian *Tauhid* kepada *Tauhid Rubūbiyyah*, *Tauhid Ulūhiyyah*, dan *Tauhid Asma wa-Sifat* tidak pernah wujud pada zaman Rasulullah Muhammad SAW dan para Sahabat Baginda. Malah, pembahagian tersebut adalah hasil *ijtihad* dan tidak pernah direkodkan di dalam *Al-Qur'an* dan *Al-Hadist* daripada Nabi Muhammad SAW (al-Saqqaf, t.th.; al-Hasani, 1424 AH; al-Dijwi, 1981; al-Mas'ari, 2004; dan Abbas, 2006).

Mengikut Yusuf al-Dijwi (1981), pembahagian *Tauhid* kepada *Tauhid Rububiyah* dan *Tauhid Uluhiyyah* tidak pernah dikenali oleh sesiapapun sebelum Abul Abbas Taqiy ad-Din Ahmad bin Abdus Salam bin Abdullah bin Taimiyyah al-Harrani @ Ibnu Taimiyyah (2004). Sirajuddin Abbas (2006) juga percaya bahawa pembahagian *Tauhid* kepada *Tauhid Rububiyah* dan *Tauhid Uluhiyyah* adalah ciptaan baru kaum Wahabi, yang dipimpin oleh Muhammad bin 'Abd al-Wahhab dan pengikut-pengikutnya, yang tidak ada dari dulu, baik pada zaman Nabi Muhammad SAW atau pada zaman Sahabat beliau (al-Dijwi, 1981; Taimiyyah, 2004; dan Abbas, 2006).

Al-Sayyid Muhammad bin 'Alawi al-Maliki al-Hasani (1424 AH) turut menegaskan bahawa pembahagian *Tauhid Tiga* tidak pernah dikenali oleh golongan *Salaf* dari kalangan para Sahabat, *Tabi'in*, dan *Tabi' Tabi'in*. Malah pembahagian ini juga tidak pernah wujud di dalam kitab suci *Al-Qur'an* dan kitab-kitab *Al-Hadist*. Ia adalah semata-mata *ijtihad* rekaan di dalam bab-bab *Usuluddin* (al-Hasani, 1424 AH).

Mohammad bin 'Abd Allah al-Mas'ari (2004) menyifatkan pembahagian tersebut merupakan istilah yang tidak pernah disebut di dalam *nash*. Ia muncul pada akhir abad ke-7 AH (*Anno Hijriah*) atau kurun ke-13 TM (Tahun Masihi) menerusi *ijtihad* daripada Abul Abbas Taqiy ad-Din Ahmad bin Abdus Salam bin Abdullah bin Taimiyyah al-Harrani @ Ibnu Taimiyyah (2004). Oleh yang demikian, Hasan bin 'Ali al-Saqqaf (t.th.) menghukumkan bahawa pembahagian *Tauhid Tiga* adalah *bida'ah* yang telah dicipta oleh Abul Abbas Taqiy ad-Din Ahmad bin Abdus Salam bin Abdullah bin

Taimiyyah al-Harrani @ Ibnu Taimiyyah (2004); dan pernah diisyarat oleh Al-Imam Abu 'Abdi Allah 'Ubaid Allah ibn Muhammad ibn Battah al-'Ukbariy @ Ibn Battah (1418 AH).

Dakwaan yang mengatakan bahawa Ibn Taimiyyah sebagai tokoh terawal memperkenalkan pembahagian *Tauhid Tiga* dapat dibuktikan melalui *Majmu' Fatawa* karangan Abul Abbas Taqiy ad-Din Ahmad bin Abdus Salam bin Abdullah bin Taimiyyah al-Harrani @ Ibnu Taimiyyah sendiri, pada tahun 2004. Pembicaraan Abul Abbas Taqiy ad-Din Ahmad bin Abdus Salam bin Abdullah bin Taimiyyah al-Harrani @ Ibnu Taimiyyah (2004) tentang pembahagian *Tauhid* tersebut amat menonjol berbanding dengan pembicaraan para ulama sebelum ini (*cf* al-Saqqaf, t.th.; Ibn Battah, 1418 AH; al-Mas'ari, 2004; dan Ibnu Taimiyyah, 2004).

Perbincangan di atas telah menunjukan bahawa pembahagian *Tauhid Tiga* tidak pernah direkodkan dalam *Kitab al-Tauhid* karangan Abu 'Abd Allah Muhammad bin Ishaq bin Mandah @ Ibn Mandah (1413 AH); *Al-Ibanat 'an Syariat al-Firq al-Najiyah wa Mujanabat al-Firq al-Madhmumat* karangan Al-Imam Abu 'Abdi Allah 'Ubaid Allah ibn Muhammad ibn Battah al-'Ukbariy @ Ibn Battah (1418 AH); dan *Tafsir al-Tabari Jami' al-Bayan 'an Tafsir Aaya al-Qur'an* karangan Abu Ja'far Muhammad bin Jarir al-Tabari (2001). Rekod pertama yang dijumpai setakat ini adalah rekod yang dibuat oleh Abul Abbas Taqiy ad-Din Ahmad bin Abdus Salam bin Abdullah bin Taimiyyah al-Harrani @ Ibnu Taimiyyah (2004) dalam karangan beliau bertajuk *Majmu' Fatawa*. Walau bagaimanapun, fahaman tentang isi kandungan ketiga-tiga bahagian

Tauhid secara tersirat sudah wujud dalam penulisan-penulisan para ulama *Ahli Sunnah wal-Jama'ah* sebelum berlakunya pembahagian lagi (Ibn Mandah, 1413 AH; Ibn Battah, 1418 AH; al-Tabari, 2001; dan Ibnu Taimiyyah, 2004).

Perkembangan Tauhid Rububiyyah, Tauhid Uluhiyyah, dan Tauhid Asma wa Sifat. Pada awal abad ke-14 TM (Tahun Masihi), Abul Abbas Taqiy ad-Din Ahmad bin Abdus Salam bin Abdullah bin Taimiyyah al-Harrani @ Ibnu Taimiyyah (2004) telah menulis kitab *Majmu' Fatawa* sebanyak 37 jilid dan 4 jilid daripadanya membicarakan khusus tentang *Tauhid*. Jilid pertama membicarakan *Tauhid al-Uluhiyyah* atau *Al-Ilahiyyah*; jilid kedua membicarakan *Tauhid al-Rububiyyah*; manakala jilid kelima dan enam pula membicarakan *Tauhid al-Asma wa Sifat* (Ibnu Taimiyyah, 2004).

Pada akhir abad ke-14 TM, 'Ali bin Ali bin Muhammad bin Abi al-'Izz al-Hanafi Sadr al-Din (1418 AH), yang hidup pada 731-792 AH (*Anno Hijriah*)/1331-1390 TM (Tahun Masihi), telah mengemukakan pembahagian *Tauhid* dalam *Syarah al-Tahawiyyah fi al-'Aqidah al-Salafiyyah*. Menurut 'Ali bin 'Ali bin Muhammad bin Abi al-'Izz al-Hanafi Sadr al-Din, *Tauhid* merangkumi tiga jenis: pertama, pembicaraan tentang sifat-sifat; kedua, *Tauhid al-Rububiyyah* yang menjelaskan bahawa hanya Allah sahaja penjadi segala-galanya; dan ketiga, *Tauhid al-Uluhiyyah* iaitu Allah sahaja yang layak disembah tiada sekutu bagi-Nya (Sadr al-Din, 1418 AH). Pembahagian ini tidak melibatkan bahagian Nama-nama Allah, seperti dilibatkan oleh Abul Abbas Taqiy ad-Din Ahmad bin Abdus Salam bin Abdullah bin Taimiyyah al-Harrani @ Ibnu Taimiyyah (2004). Selain itu, 'Ali

bin 'Ali bin Muhammad bin Abi al-'Izz al-Hanafi Sadr al-Din (1418 AH) turut percaya bahawa *Tauhid* yang dituntut adalah *Tauhid al-Uluhiyyah* yang merangkumi *Tauhid al-Rububiyyah* (Sadr al-Din, 1418 AH; dan Ibnu Taimiyyah, 2004).

Matan asal kepada *Syarah al-Tahawiyyah fi al-'Aqidah al-Salafiyyah* iaitu *Matn al-'Aqidah al-Tahawiyyah Bayan 'Aqidah Ahl al-Sunah wa al-Jama'ah* karangan Ahmad bin Muhammad bin Salamah @ Abu Ja'far al-Tahawi al-Hanafi al-Tahawi (1995), yang hidup pada 239-321 AH/853-933 TM, telah menyandarkan perkataan *al-Rububiyyah* kepada Allah SWT (*Subhanahu Wa-Ta'ala*) serta menyebut sebahagian nama-nama dan sifat-sifat-Nya. Namun, *matan* tersebut tidak membahagikan *Tauhid* kepada bahagian tertentu (al-Tahawi, 1995).

Pada abad ke-15 TM, *Tauhid Rububiyyah* dan *Tauhid Uluhiyyah* telah ditonjolkan oleh ulama kelahiran Mesir, iaitu Taqi al-Din Ahmad bin 'Ali al-Maqrizi (2007), yang hidup pada 764-845 AH/1364-1442 TM, dalam kitab beliau bertajuk *Tajrid al-Tauhid al-Mufid*. Mengikut Taqi al-Din Ahmad bin 'Ali al-Maqrizi, *Tauhid Rububiyyah* merupakan *Tauhid* yang dipersetujui antara orang-orang yang beriman kepada Allah dan orang-orang kufur kepada-Nya. Manakala *Tauhid Uluhiyyah* pula merupakan tempat perpisahan antara mereka. Selain itu, Taqi al-Din Ahmad bin 'Ali al-Maqrizi menjelaskan bahawa kesemua makna Nama-nama Yang Indah dan Sifat-sifat Yang Maha Tinggi telah digabungkan menerusi perkataan *Allah* (al-Maqrizi, 2007).

Pada abad ke-18 TM, Muhammad bin 'Abd al-Wahhab (1996), yang berasal dari wilayah Najd, Arab Saudi, telah melibatkan diri dalam pembahagian

Tauhid. Dalam konteks ini, *Al-Durar al-Saniyyah fi al-Ajwibah al-Najdiyyah* (1996) melaporkan bahawa Muhammad bin 'Abd al-Wahhab telah mengemukakan pembahagian *Tauhid* kepada tiga dasar asas, iaitu *Tauhid Rububiyyah*, *Tauhid Uluhiyyah*, serta *Tauhid Zat, Asma, dan Sifat*. Selain itu, beliau juga memperkenalkan *Kitab al-Tauhid*, yang perbincangannya lebih menjurus kepada *Tauhid Uluhiyyah*. Menurut 'Abd al-'Aziz bin 'Abd Allah Baz (t.th.), Muhammad bin 'Abd al-Wahhab telah bekerja keras bagi menjelaskan *Tauhid* dan menerangkan kesyirikan kepada manusia, sehingga dikenali di Najd sebagai *Al-Wahhabi* (cf Baz, t.th.; *Al-Durar al-Saniyyah fi al-Ajwibah al-Najdiyyah*, 1996; dan al-Wahhab, 1996).

Menerusi huraian *Kitab al-Tauhid*, karangan Muhammad bin 'Abd al-Wahhab (1996), para ulama abad ke-18 hingga 20 TM telah berjaya memperkenalkan *Tauhid Tiga* daripada Abul Abbas Taqiy ad-Din Ahmad bin Abdus Salam bin Abdullah bin Taimiyyah al-Harrani @ Ibnu Taimiyyah (2004) dalam pengajian *Usuluddin*. Antara ulama yang terlibat dalam aktiviti huraian kepada kitab tersebut adalah cucu kepada pengarang sendiri, iaitu 'Abd Rahman bin Hasan bin Muhammad bin 'Abd al-Wahhab (1999 dan 2002), yang hidup pada 1193-1285 AH/1779-1869 TM; dan Sulaiman bin 'Abd Allah bin Muhammad bin 'Abd al-Wahhab (2007), yang hidup pada 1200-1233 AH/1799-1800 TM. Kitab tersebut turut disyarah kemudiannya oleh Hamd bin 'Ali bin Muhammad bin 'Atiq (1995), yang hidup pada 1227-1301 AH/1812-1884 TM; dan 'Abd al-Rahman bin Nasir al-Sa'diy @ al-Sa'diy (2004), yang hidup pada 1307-1376 AH/1889-1956 TM (cf 'Atiq, 1995;

al-Wahhab, 1996; al-Wahhab, 1999 dan 2002; al-Sa'diy, 2004; Ibnu Taimiyyah, 2004; dan al-Wahhab, 2007).

Dalam huraian Hamd bin 'Ali bin Muhammad bin 'Atiq (1995); 'Abd Rahman bin Hasan bin Muhammad bin 'Abd al-Wahhab (1999 dan 2002);⁴ dan Sulaiman bin 'Abd Allah bin Muhammad bin 'Abd al-Wahhab (2007) kepada *Kitab al-Tauhid*, ketiga-tiga ulama ini tonjolkan pembicaraan *Tauhid Tiga* daripada Abul Abbas Taqiy ad-Din Ahmad bin Abdus Salam bin Abdullah bin Taimiyyah al-Harrani @ Ibnu Taimiyyah (2004), iaitu *Tauhid Rububiyyah*, *Tauhid Asma wa Sifat*, dan *Tauhid Ilahiyyah*. Manakala 'Abd al-Rahman bin Nasir al-Sa'diy @ al-Sa'diy (2004) pula lagi tonjolkan *Tauhid Asma wa Sifat*, *Tauhid Rububiyyah*, dan *Tauhid Ilahiyyah* atau *Tauhid Ibadah*, iaitu mengetahui dan mengakui bahawa Allah memiliki *Uluhiyyah* dan *'Ubudiyyah* terhadap segala makhluk-Nya (cf 'Atiq, 1995; al-Wahhab, 1996; al-Wahhab, 1999 dan 2002; al-Sa'diy, 2004; Ibnu Taimiyyah, 2004; dan al-Wahhab, 2007).

Pembahagian *Tauhid* yang direkodkan pertama kali oleh Abul Abbas Taqiy ad-Din Ahmad bin Abdus Salam bin Abdullah bin Taimiyyah al-Harrani @ Ibnu Taimiyyah (2004), dan disebar kemudiannya oleh Muhammad bin 'Abd al-Wahhab (1996) serta pengikut-pengikutnya, telah mempengaruhi ramai para ulama di sekitar Jazirah Arab. Kemunculan kerajaan Arab Saudi pada tahun 1351 AH/1932 TM pula telah mengubah arus pengajian *Tauhid* di rantau tersebut ke arah ajaran Abul Abbas Taqiy ad-Din Ahmad bin Abdus Salam

⁴Dalam artikelnya yang bertajuk "Al-Risalah al-Thalithah fi 'Anwa' al-Tauhid wa 'Anwa' al-Syirk", 'Abd Rahman bin Hasan bin Muhammad bin 'Abd al-Wahhab (1999) menyebut *Tauhid Rububiyyah*, *Tauhid Uluhiyyah*, dan *Tauhid Asma wa Sifat*.

bin Abdullah bin Taimiyyah al-Harrani @ Ibnu Taimiyyah dan Muhammad bin 'Abd al-Wahab. Madrasah *Dar al-'Ulum al-Diniyyah*,⁵ yang wujud pada 1353-1410 AH/1935-1989 TM di Mekah, misalnya, telah diserap oleh ajaran-ajaran tersebut. Dalam konteks ini, Yasin Ahmad Barahmin (1413 AH) melaporkan bahawa Madrasah *Dar al-'Ulum al-Diniyyah* telah menetapkan *Kitab al-Tauhid* dan *Kasyf Syubuhah* karangan Muhammad bin 'Abd al-Wahhab (t.th.a, t.th.b dan 1996) dan *Al-'Aqidah al-Wasitiyyah* karangan Abul Abbas Taqiy ad-Din Ahmad bin Abdus Salam bin Abdullah bin Taimiyyah al-Harrani @ Ibnu Taimiyyah (t.th.) sebagai sukatan kurikulum yang wajib dipelajari oleh setiap calon (al-Wahhab, t.th.a, t.th.b dan 1996; Ibnu Taimiyyah, t.th. dan 2004; dan Barahmin, 1413 AH).

Tonjolan *Tauhid Tiga* daripada Abul Abbas Taqiy ad-Din Ahmad bin Abdus Salam bin Abdullah bin Taimiyyah al-Harrani @ Ibnu Taimiyyah (2004), melalui saluran huraian *Kitab al-Tauhid*, turut dilakukan oleh Muhammad bin Salih al-'Uthaymin (1415 AH), yang hidup pada 1347-1421 AH/1929-2001 TM. Sebelum huraian dimulakan, Muhammad bin Salih al-'Uthaymin telah mengemukakan *Tauhid Tiga* daripada Abul Abbas Taqiy ad-Din Ahmad bin Abdus Salam bin Abdullah bin Taimiyyah al-Harrani @ Ibnu Taimiyyah (2004). Muhammad bin Salih al-'Uthaymin

(1415 AH) membahagikan *Tauhid* kepada tiga bahagian, iaitu *Tauhid Rububiyyah*, *Tauhid Uluhiyyah*, dan *Tauhid Asma wa Sifat* (al-'Uthaymin, 1415 AH; dan Ibnu Taimiyyah, 2004). Pembahagian yang sama juga turut dimuatkan oleh Muhammad bin Salih al-'Uthaymin (t.th.) dalam huraian terhadap *Al-'Usul al-Salathah* karangan Muhammad bin 'Abd al-Wahhab (t.th.a).

Selain menyiapkan syarahan terhadap karangan Muhammad bin 'Abd al-Wahhab (t.th.a), 'Abd al-Rahman bin Nasir al-Sa'diy (1419 AH) dan Muhammad bin Salih al-'Uthaymin (t.th.) turut memperkenalkan *Tauhid* tiga daripada Abul Abbas Taqiy ad-Din Ahmad bin Abdus Salam bin Abdullah bin Taimiyyah al-Harrani @ Ibnu Taimiyyah (2004) dalam penulisan masing-masing. 'Abd al-Rahman bin Nasir al-Sa'diy (1419 AH) memperkenalkan dalam *Tafsir al-Karim al-Rahman fi Tafsir Kalam al-Mannan*, bahagian tafsir surah *Al-Fatihah* dalam *Al-Qur'an*. Mengikut beliau, *Tauhid al-Rububiyyah* diambil daripada perkataan "*Rab al-Alamin*"; *Tauhid al-Ilahiyyah*, iaitu mengkhususkan ibadat hanya kepada Allah, diambil daripada perkataan "*Allah*" dan "*IyyaKa Na'bud*"; serta *Tauhid Asma wa Sifat*, iaitu menetapkan Sifat-sifat Kesempurnaan bagi Allah SWT (*Subhanahu Wa-Ta'ala*) seperti yang ditetapkan oleh-Nya bagi diri-Nya dan ditetapkan oleh rasul-Nya bagi-Nya, diambil daripada perkataan "*Alhamdu*" (cf al-'Uthaymin, t.th.; al-Wahhab, t.th.a; al-Sa'diy, 1419 AH; dan Ibnu Taimiyyah, 2004).

Manakala Muhammad bin Salih al-'Uthaymin (1422 AH dan 1995) memperkenalkan *Tauhid Tiga* daripada Abul Abbas Taqiy ad-Din Ahmad bin Abdus Salam bin Abdullah bin Taimiyyah al-Harrani @ Ibnu Taimiyyah (2004) dalam

⁵Madrasah *Dar al-'Ulum al-Diniyyah* didirikan oleh orang-orang Indonesia di Mekah, yang menarik diri daripada *Al-Madrasah al-Saulatiyyah* (1290 AH/1874 TM), kerana konflik penggunaan Bahasa Indonesia yang telah menyinggung kebanggaan nasional. Mereka mengumpulkan sejumlah wang untuk membagunkan institusi pendidikan sendiri. Lebih daripada seratus murid, hampir semua dari *Al-Madrasah al-Saulatiyyah*, mendaftar. Lihat, selanjutnya, Azyumardi Azra (2004); Rakhmad Kiki (2011); dan Zainul Bizawie (2016).

Aqidah Ahlussunnah wal-Jama'ah (1995) pada tahun 1404 AH (*Anno Hijriah*)/1984 TM (Tahun Masihi). Menurut Muhammad bin Salih al-'Uthaymin (1422 AH dan 1995) sebagai berikut:

Kami beriman dengan *Rububiyyah* Allah SWT, iaitu bahawa Dialah Tuhan Penjadi, Raja Yang Mengurus bagi segala urusan. Kami beriman dengan *Uluhiyyah* Allah SWT iaitu bahawa Dia adalah satu-satunya Tuhan yang benar dan semua yang disembah selain-Nya adalah palsu. Kami beriman dengan Nama-nama dan Sifat-sifat-Nya, iaitu bagi-Nya Nama Yang Indah dan Sifat Yang Maha Sempurna lagi Maha Tinggi (al-'Uthaymin, 1422 AH dan 1995).

Pada tahun 1995, kitab *Aqidah Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah* karangan Muhammad bin Salih al-'Uthaymin, yang diserapi *Tauhid Tiga* daripada Abul Abbas Taqiy ad-Din Ahmad bin Abdus Salam bin Abdullah bin Taimiyyah al-Harrani @ Ibnu Taimiyyah (2004), telah diterjemahkan oleh Muhammad Yusuf Harun ke dalam bahasa Indonesia dengan tajuk *Aqidah Ahlussunnah wal-Jama'ah* dan diterbitkan oleh Yayasan al-Sofwa, Jakarta. Selain itu, Muhammad bin Salih al-'Uthaymin (1421 AH) telah memuatkan pembahagian *Tauhid Tiga* daripada Abul Abbas Taqiy ad-Din Ahmad bin Abdus Salam bin Abdullah bin Taimiyyah al-Harrani @ Ibnu Taimiyyah (2004) dalam Pendahuluan syarahan beliau terhadap *Al-Aqidah al-Wasitiyyah* karangan Abul Abbas Taqiy ad-Din Ahmad bin Abdus Salam bin Abdullah bin Taimiyyah al-Harrani @ Ibnu Taimiyyah (t.th.) yang lainnya; dan diterbitkan di Dar Ibn al-Jawzi, Saudi Arabia, pada tahun 1415 AH/1995 TM. Pada tahun 1415 AH juga, Muhammad bin Salih al-'Uthaymin (1427 AH) telah menyelipkan pembahagian *Tauhid Tiga* daripada Abul Abbas Taqiy ad-Din

Ahmad bin Abdus Salam bin Abdullah bin Taimiyyah al-Harrani @ Ibnu Taimiyyah (2004) dalam huraian beliau (1427 AH) terhadap ayat 1-3, surah *Al-Nas* di dalam *Syarh Riyadh al-Salihin min Kalam Sayid al-Mursalin* (al-'Uthaymin, 1421 AH, 1427 AH dan 1995; dan Ibnu Taimiyyah, t.th. dan 2004).

Pada tahun 2001, Salih bin Fawzan bin 'Abd Allah al-Fawzan, yang lahir pada 1354 AH/1935 TM dan lepasan Universiti Islam Al-Imam Muhammad ibn Saud dan murid kepada 'Abd al-Malik al-Sa'diy (2011), turut memperkenalkan pembahagian *Tauhid Tiga* daripada Abul Abbas Taqiy ad-Din Ahmad bin Abdus Salam bin Abdullah bin Taimiyyah al-Harrani @ Ibnu Taimiyyah (2004) di dalam *Al-Mulakhkhas fi Syarh Kitab al-Tauhid* (2001) sebagai huraian singkat dan mudah difaham terhadap *Kitab al-Tauhid* karangan Muhammad bin 'Abd al-Wahhab (1996). Pada tahun 1433 AH/2012 TM, Salih bin Fawzan bin 'Abd Allah al-Fawzan (1435 AH) turut memuatkan pembahagian *Tauhid Tiga* tersebut dalam huraian beliau *Syarh Risalah al-'Ubudiyyah* terhadap karangan Abul Abbas Taqiy ad-Din Ahmad bin Abdus Salam bin Abdullah bin Taimiyyah al-Harrani @ Ibnu Taimiyyah (2004); dan diterbitkan pada tahun 1435 AH/2015 TM oleh penerbit Dar Ibn al-Jawzi, Saudi Arabia. Selain itu, Salih bin Fawzan bin 'Abd Allah al-Fawzan (t.th.) turut membicarakan *Tauhid Tiga* daripada Abul Abbas Taqiy ad-Din Ahmad bin Abdus Salam bin Abdullah bin Taimiyyah al-Harrani @ Ibnu Taimiyyah (2004) dalam artikel yang bertajuk "Aqidah al-Tawhid wa Bayan ma Yudhaduha min al-Syirk al-Akbar wa al-Asghar wa al-Ta'til wa al-Bid' wa Ghair Zalik" (*cf* al-Fawzan, t.th., 1435 AH dan

2001; al-Wahhab, 1996; Ibnu Taimiyyah, 2004; dan al-Sa'diy, 2011).

Tauhid Tiga daripada Abul Abbas Taqiy ad-Din Ahmad bin Abdus Salam bin Abdullah bin Taimiyyah al-Harrani @ Ibnu Taimiyyah (2004) turut diperkenalkan oleh murid kepada Muhammad bin Salih al-'Uthaymin (1421 AH), iaitu 'Abd al-Razaq bin 'Abd al-Muhsin al-Badr (1414 AH) dalam kitab yang bertajuk *Al-Qaul al-Sadid fi Radd 'ala Man Ankar Taqsim al-Tauhid*. Pada tahun 2011, kitab ini diterjemahkan secara ringkas oleh Mohd Amin Yaacob di bawah tajuk *Tauhid 3T: Penjelasan dan Pembelaan*, dan diterbitkan oleh Perniagaan Jahabersa, Johor Bahru, Malaysia. Kitab terjemahan ini juga turut dinukilkan kemudiannya oleh seorang guru di salah sebuah sekolah menengah di daerah Lahad Datu, Sabah, Malaysia, iaitu Mohd Hairi Nonchi dalam *Orang Kata Wahhabi ialah ...* diterbitkan oleh Bushra Studio & Publication, Selangor, pada tahun 2013 (al-Badr, 1414 AH dan 2011; al-'Uthaymin, 1421 AH; Ibnu Taimiyyah, 2004; dan Nonchi, 2013).

Setelah pembahagian *Tauhid* kepada *Tauhid Rububiyah*, *Tauhid Uluhiyyah*, dan *Tauhid Asma wa Sifat* berkembang subur di negara Arab Saudi, pembahagian tersebut juga turut dikembangkan ke negara-negara lain. Di Universiti al-Azhar, Mesir, contohnya, Muhammad Rasyid Rida (1947), yang hidup pada 1865-1935 TM, telah memperkenalkan *Tauhid Rububiyah*, *Tauhid Uluhiyyah*, dan *Tauhid Asma wa Sifat* dalam *Tafsir al-Quran al-Hakim*, yang lebih dikenali dengan *Tafsir al-Manar*, susunan beliau berdasarkan kuliah gurunya, iaitu Muhammad Abduh, yang hidup pada 1849-1905 TM (Rida, 1947; Abduh, 1992; Abdullah, 2012; dan Firdaus, 2015).

Pada tahun 1978, pensyarah Universiti Jordan kelahiran Palestine, Mohammad Nu'im Yasin (lahir 1943 TM), yang mendapat pendidikan di Universiti Damsyik, Universiti Kaherah, dan juga Universiti Al-Azhar, turut memuatkan pembahagian *Tauhid* tersebut di dalam penulisan beliau yang bertajuk *Al-Iman: Arkanuhu Haqiqatuhu wa Nawaqidhuhu*. Cetakan ke-6 daripada penulisan tersebut telah diterjemah oleh Abu Fahmi dengan tajuk *Yang Menguatkan yang Membatalkan Iman: Kajian Rinci Dua Kalimah Syahadah*, disunting Juariyah Muhammad dan diterbitkan oleh Gema Insani Press dan Penerbit Buku Andalan di Jakarta, Indonesia, pada tahun 1990, 1992 dan 1994. Pada tahun 1996, ia turut terbitkan juga di Kuala Lumpur (Yasin, 1978, 1994 dan 1996a).

Pada tahun 1996 pula, Mohd Sofwan Amrullah menterjemahkan buku Mohammad Nu'im Yasin di bawah tajuk *Persoalan Iman dan Perkara-perkara yang Merosakkannya* (1996b) dan diterbitkan di Pustaka Ilmi, Batu Caves, Malaysia. Selain itu, ia diterjemahkan juga oleh Abdul Rahman bin Haji Abdullah, pensyarah Universiti Songkhla Nakhrin, Pattani, Thailand, dengan tulisan Jawi di bawah tajuk *Iman Rukun: Hakikat dan Pembatalannya*, dan diterbitkan di Pustaka Darussalam, Alor Setar, Kedah, Malaysia, pada tahun 2007. Pada tahun 2008, 2010 dan 2014, Pustaka Darussalam terbitkan lagi edisi semakan semula versi Bahasa Malaysia (Yasin, 1996b, 2007 dan 2014).

Pada tarikh 5hb November 2015, Mesyuarat Jawatankuasa Tauliah MAIS (Majlis Agama Islam Selangor) telah memutuskan bahawa kitab yang ditulis oleh Muhammad Nu'im Yasin adalah dilarang untuk menggunakannya di dalam pengajian di masjid dan surau di seluruh

Negeri Selangor, Malaysia. Keputusan dibuat berdasarkan semakan Mesyuarat Jawatankuasa Pengawalan Akidah MAIS, yang mendapati bahawa: (1) Pengarang mengatakan bahawasanya berpegang kepada Mazhab Salaf dan tidak berpegang kepada Mazhab Khalaf mengenai sifat-sifat Allah; (2) Kitab ini tidak mengikut aliran *Ahli Sunnah wal-Jama'ah*; dan (3) Mengetengahkan pembahagian *Tauhid Rububiyyah*, *Uluhiyyah*, dan *Asma wa Sifat*, yang dipelopori oleh Muhammad bin 'Abd al-Wahab, bukan daripada *Ahli Sunnah wal-Jama'ah* (JAIS, 2016).

Kemunculan dan perkembangan pembahagian *Tauhid* kepada tiga bahagian telah melahirkan pelbagai reaksi daripada para ulama *Ahli Sunnah wal-Jama'ah*. Dalam konteks ini, Yusuf al-Dijwi (1981) percaya bahawa tidak dapat dipisahkan antara *Ibadah* dan *Rububiyyah*, kerana seseorang tidak akan menyembah Allah kecuali setelah dia percaya terhadap Kekuasaan-Nya. Seterusnya, Yusuf al-Dijwi membuktikan hubungan *Ibadah* dan *Rububiyyah* dengan mengemukakan ayat 65, surah *Maryam* dan ayat 25, surah *Al-Nahl* di dalam *Al-Qur'an*. Selain itu, Yusuf al-Dijwi merujuk juga kepada perjanjian Ketuhanan (*Rububiyyah*) Allah di Alam Roh seperti dinyatakan dalam ayat 172, surah *Al-Araf*. Apabila orang-orang *Musyrikin* telah mengaku dengan *Rububiyyah* Allah di dunia ini, maka sepatutnya perjanjian tersebut melibatkan juga pengakuan *Tauhid Uluhiyyah*. Pengakuan *Rububiyyah* orang-orang *Musyrikin*, pada pandangan Yusuf al-Dijwi (1981), merupakan pengakuan dengan lidah semata-mata, bukan pengakuan ikhlas daripada hati (cf 'Abd Allah, 1418 AH; al-Dijwi, 1981; dan Firdaus, 2015).

Dengan nada yang sama, turut disuarakan juga oleh 'Abd al-Karim Zaidan, yang hidup pada 1917-2014 TM, pensyarah Bidang Agama, Universiti Baghdad, Irak. 'Abd al-Karim Zaidan (1976) percaya bahawa *Tauhid Uluhiyyah* merangkumi *Tauhid Rububiyyah*; dan *Tauhid Rububiyyah* mencetuskan *Tauhid Uluhiyyah* berdasarkan ayat 32, surah *Luqman*; ayat 191, surat *Al-Araf*; ayat 17, surat *Al-Naml*; ayat 22, surah *Saba*; dan ayat 85-89, surah *Al-Mu'minun* di dalam *Al-Qur'an*. Adapun Sifat-sifat Kesempurnaan Allah merupakan Sifat Ketuhanan Yang Melahirkan *Tauhid Rububiyyah*. Oleh yang demikian, 'Abd al-Karim Zaidan (1976) tetap membahagikan *Tauhid* kepada dua bahagian sahaja, iaitu *Tauhid Rububiyyah* dan *Tauhid Uluhiyyah* (Zaidan, 1976).

Kaitan *Tauhid Rububiyyah* dengan *Tauhid Uluhiyyah* turut diakui oleh pensyarah Universiti al-'Ulum al-'Alamiyyah, Jordan, iaitu 'Abd al-Malik al-Sa'diy, yang lahir pada 1937 TM. 'Abd al-Malik al-Sa'diy (2011) percaya bahawa jika orang-orang *Musyrikin* benar-benar mengesakan *Rububiyyah*, nescaya mereka akan mengesakan *Uluhiyyah* (al-Sa'diy, 2011). Hal yang sama turut disuarakan oleh penyokong tegar Ibn Taimiyyah, Ibn Qayyim, dan Muahmmad bin 'Abd al-Wahhab, iaitu Salih bin Fawzan bin 'Abd Allah al-Fawzan (t.th.), yang menyatakan seperti berikut:

من أقرب توحيد الربوبية الله فاعترف بأنه
لا خالق ولا رازق ولا مدبر للكون إلا الله
عز وجل لزمه أن يقر بأنه لا يستحق العبادة
بجميع أنواعها إلا الله سبحانه وهذا هو
التوحيد الألوهية

Terjemahan:

Sesiapa yang mengaku Tauhid Rububiyah Allah, maka dengan sendirinya dia akan mengakui bahawa tiada Penjadi, Pemberi Rezeki, Pengurus alam kecuali Allah Azza Wa Jalla. Dia mesti mengaku juga bahawa tiada yang berhak beribadah dengan pelbagai bentuk ibadat kecuali Allah sahaja, ini lah Tauhid Uluhiyyah (al-Fawzan, t.th.).

Di sini jelaslah bahawa para ulama *Ahli Sunnah wal-Jama'ah* tetap bersetuju bahawa wujudnya kaitan antara bahagian-bahagian *Tauhid*. Kaitan antara satu sama yang lain telah mempersoalkan tentang kewajaran pembahagian yang dikemukakan. Pada tarikh 2hb–4hb Disember 2014, MAINS (Majlis Agama Islam Negeri Sembilan) dengan kerjasama JHEAINS (Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sembilan), Jabatan Mufti Kerajaan Negeri Sembilan, dan Kumpulan Yayasan Pendidikan Sofa telah mengadakan Konvensyen Akidah Antarabangsa dan Himpunan Da'ie di Dewan Jabatan Kebudayaan dan Kesenian di Seremban, Negeri Sembilan, Malaysia. Konvensyen tersebut telah merumuskan tujuh resolusi bagi tujuan memantapkan akidah umat Islam keseluruhannya. Antaranya pembahagian *Tauhid* kepada *Uluhiyyah*, *Rububiyah*, dan *Asma wa Sifat* adalah terkeluar prinsip *Ahli Sunnah wal-Jama'ah* (Ismail, 2014).

Pada bulan Ogos 2016 pula, *Malaysia Stylo* melaporkan bahawa Mufti Pahang, Abdul Rahman Osman, menggesa Kementerian Pendidikan menguatkuasakan larangan pelaksanaan ajaran konsep “Tauhid Tiga Serangkai”, iaitu *Tauhid Rububiyah*, *Tauhid Uluhiyyah*, dan *Tauhid Asma wa Sifat* di semua sekolah menengah di seluruh negara Malaysia. Antara alasannya ialah:

(1) *Tauhid Rububiyah*, *Tauhid Uluhiyyah*, dan *Tauhid Asma wa Sifat* bercanggah dengan *Ahli Sunnah wal-Jama'ah* yang menggunakan pendekatan sifat 20 dalam mengenali Allah; serta (2) *Tauhid Rububiyah*, *Tauhid Uluhiyyah*, dan *Tauhid Asma wa Sifat* adalah ajaran *Salafi Wahabi* yang memupuk fahaman ekstremisme (cf al-Wahhab, 1996; Nu'mani, 1998; Abualrub, 2003; dan Ibnu Taimiyyah, 2004).⁶

KESIMPULAN

Sebagai kesimpulan, dapatan kajian menunjukkan bahawa pembahagian *Tauhid* kepada tiga bahagian, iaitu *Tauhid Rububiyah*, *Tauhid Uluhiyyah*, dan *Tauhid Asma wa Sifat* tidak pernah wujud secara tekstual pada zaman sebelum Ibnu Taimiyyah, yang nama penuhnya ialah Abul Abbas Taqiy ad-Din Ahmad bin Abdus Salam bin Abdullah bin Taimiyyah al-Harrani. Walau bagaimanapun, bahagian-bahagian tersebut telah wujud secara kontekstual sebelum zaman beliau lagi. Abul Abbas Taqiy ad-Din Ahmad bin Abdus Salam bin Abdullah bin Taimiyyah al-Harrani @ Ibnu Taimiyyah adalah individu pertama yang merekodkan pembahagian *Tauhid* kepada tiga bahagian dalam penulisan beliau bertajuk *Majmu' Fatawa*, yang ditulis pada abad ke-14 TM (Tahun Masihi).

Pembahagian tersebut turut tersebar menerusi Muhammad bin 'Abd al-Wahhab dan para pengikutnya dari kalangan para ulama Najd dan kerajaan Arab Saudi. Dan disebar-luas kemudiannya oleh para ulama yang mendapat pendidikan di

⁶Lihat pula “Mufti Pahang Gesa Henti Ajar Konsep Tauhid Tiga Serangkai di Sekolah” dalam *Malaysia Stylo*, pada tarikh 30hb Ogos 2016. Wujud secara online pula di: <http://www.malaysiastylonews.com/156371/mufti-pahang-gesa-henti-ajar-konsep-tauhid-tiga-serangkai-di-sekolah/> [diakses di Kuala Kangsar, Perak Darul Ridzuan, Malaysia: 16hb September 2017].

sekitar negara Timur Tengah, khususnya di universiti-universiti di kerajaan Arab Saudi dan Jordan.⁷

Referensi

- Abbas, Sirajuddin. (2006). *I'tiqad Ahlul-sunnah wal-Jama'ah*. Jakarta: Pustaka Tarbiyah.
- 'Abd Allah, 'Ubaid Allah bin Muhammad Bin battah al-'Ukbari Abu. (1418 AH [Anno Hijriah]). *Al-Ibanat 'an Syari'at al-Firaq al-Najiyah wa-Mujanabat al-Firaq al-Madhmumat*, Jilid 2. Riyadh: Dar al-Rayah.
- Abduh, Syekh Muhammad. (1992). *Risalah Tauhid*. Jakarta, Indonesia: Penerbit Bulan Bintang, terjemahan K.H. Firdaus A.N.
- Abdullah, Dudung. (2012). "Pemikiran Syekh Muhammad Abduh dalam Tafsir Al-Manar" dalam *Al-Daulah*, Vol.1, No.1 [Desember]. Wujud secara online juga di: http://journal.uin-alauddin.ac.id/index.php/al_daulah/article/viewFile/1410/1407 [diakses di Kuala Kangsar, Perak Darul Ridzuan, Malaysia: 27hb Disember 2018].
- Abualrub, Jalal. (2003). *Muhammad ibn Abdil Wahhab: His Life-Story and Mission*. Madinah al-Munawarah: Madinah Publishers and Distributors.
- al-Badr, 'Abd al-Razaq bin 'Abd al-Muhsin. (1414 AH [Anno Hijriah]). *Al-Qaul al-Sadid fi Radd 'ala Man Ankar Taqsim al-Tauhid*. t.k. [tanpa kota]: Dar Ibn Qayyim & Dar Ibn 'Affan.
- al-Badr, 'Abd al-Razaq bin 'Abd al-Muhsin. (1993). *Al-Syaikh 'Abd al-Rahman bin Sa'diy wa-Juhuduhu fi Taudhih al-Aqidah*. Riyadh: Maktabah al-Rasyd.
- al-Badr, 'Abd al-Razaq bin 'Abd al-Muhsin. (2011). *Tauhid 3T: Penjelasan dan Pembelaan*. Johor Bahru, Malaysia: Perniagaan Jahabersa, terjemahan Mohd Amin Yaacob.
- al-Dijwi, Yusuf. (1981). *Maqalat wa-Fatawa al-Syaikh Yusuf al-Dijwi*. Kaherah: Majma' al-Buhuth al-Islamiyyah.
- Al-Durar al-Saniyyah fi al-Ajwibah al-Najdiyyah*. (1996).
- al-Faqihi, 'Ali bin Muhammad bin Nasir. (1405 AH [Anno Hijriah]). "Al-Imam al-Hafiz ibn Mandah" dalam *Kitab al-Tauhid*, Jilid 1. Madinah: Markaz Sy'un al-Da'wah, ms.9-32.
- al-Fawzan, Salih bin Fawzan bin 'Abd Allah. (t.th. [tanpa tahun]). "Aqidah al-Tawhid wa Bayan ma Yudhahu min al-Syirk al-Akbar wa al-Asghar wa al-Ta'til wa al-Bid' wa Ghair Zalik". Wujud secara online pula di: <http://www.alfawzan.af.org.sa/sites/default/files/atwbmy.pdf> [diakses di Kuala Kangsar, Perak Darul Ridzuan, Malaysia: 27hb Disember 2017].
- al-Fawzan, Salih bin Fawzan bin 'Abd Allah. (1435 AH [Anno Hijriah]). *Syarh Risalah al-'Ubudiyyah*. Saudi Arabia: Dar Ibn al-Jawzi.
- al-Fawzan, Salih bin Fawzan bin 'Abd Allah. (2001). *Al-Mulakhkhas fi Syarh Kitab al-Tauhid*. Riyadh: Dar al-'Asimah.
- al-Hasani, Al-Sayyid Muhammad bin 'Alawi al-Maliki. (1424 AH [Anno Hijriah]). "Al-Ghulu wa Atharihi fi al-Irhab wa Ifsad al-Mujtama". *Kertas kerja* yang disampaikan dalam Al-Liq' al-Watani al-Thani li al-Hiwar al-Fikri. Mekah: Markaz Al-Malik 'Abd Al-'Aziz li Al-Hiwar Al-Watani, pada tarikh Zulkaedah 05-09.
- al-Jawziyya, Ibn Qayyim. (2000). *Al-Wabil al-Sayyib min al-Kalim al-Tayyib*. London: Islamic Texts Society, translated by Michael Abdurrahman Fitzgerald and Moulay Youssef Slitine.
- al-Kufi, Abu Yusuf Yaaqub bin Ibrahim bin Habib. (t.th. [tanpa tahun]). *Ikhtilaf Abi Hanifah wa Ibn Abi Layla*. Kaherah: Dar 'Umar ibn al-Khattab.
- al-Maqrizi, Taqi al-Din Ahmad bin 'Ali. (2007). *Tajrid al-Tauhid al-Mufid*. Kaherah: Dar 'Umar ibn al-Khattab.
- al-Mas'ari, Mohammad bin 'Abd Allah. (2004). *Kitab al-Tauhid 'Asl al-Islam wa Haqiqat al-Tauhid*. London: t.p. [tanpa penerbit].
- al-Rasyid, Muhammad Ahmad. (2004). *Al-Munthalaq: Siri Tarbiyyah*. Yogyakarta, Indonesia: Konsis Media. Wujud secara online pula di: <http://blog.uny.ac.id/mohkhairudin/files/2012/02/Al-Munthalaq-Edisi-Indonesia.pdf> [diakses di Kuala Kangsar, Perak Darul Ridzuan, Malaysia: 16hb September 2017].
- al-Sa'diy, 'Abd al-Malik. (2011). "Al-Farq bain Tauhid Uluhiyyah wa al-Rububiyyah" dalam *Alomah-Alwasat.Com*, 14 Disember. Wujud secara online juga di: <http://www.alomah-alwasat.com/fatwaMore.php?id=1281> [diakses di Kuala Kangsar, Perak Darul Ridzuan, Malaysia: 14hb Disember 2017].
- al-Sa'diy, 'Abd al-Rahman bin Nasir. (1419 AH [Anno Hijriah]). *Taisir al-Karim al-Rahman fi Tafsir Kalam al-Mannan*. t.k. [tanpa kota]: Mu'assasah al-Risalah.
- al-Sa'diy, 'Abd al-Rahman bin Nasir al-Sa'diy @. (2004). *Al-Qaul al-Sadid Syarh Kitab al-Tauhid*. Riyadh: Dar al-Thabat.
- al-Saqqa, Hasan bin 'Ali. (t.th. [tanpa tahun]). *Al-Salafiyah al-Wahhabiyyah: Afkaruha al-Asasiyyah wa Juzuruha al-Tarikhiyyah*. Beirut: Dar al-Imam al-Rawwas.

⁷**Kenyataan:** Saya, dengan ini, membuat kenyataan sebenar bahawa artikel ini adalah dapatan pemikiran dan kajian saya secara persendirian; ianya bukan hasil plagiat, memandangkan semua sumber rujukan yang saya petik dalam analisis dan perbincangan adalah wujud secara penuh dan betul dalam senarai Referensi. Saya juga menyatakan bahawa artikel ini belum pernah dihantar, diwasit, dan diterbitkan oleh mana-mana jurnal akademik yang lain, samada di Malaysia mahupun di luar negara.

- al-Tabari, Abu Ja'far Muhammad bin Jarir. (2001). *Tafsir al-Tabari Jami' al-Bayan 'an Tafsir Aaya al-Qur'an*. Kaherah: Hiji.
- al-Tahawi, Ahmad bin Muhammad bin Salamah @ Abu Ja'far al-Tahawi al-Hanafi. (1995). *Matn al-Aqidah al-Tahawiyyah Bayan Aqidah Ahl al-Sunah wa al-Jama'ah*. Beirut: Dar Ibn Hazmi.
- al-Uthaymin, Muhammad bin Salih. (t.th. [tanpa tahun]). *Syarh al-'Usul al-Thalathah*. Iskandariyyah: Dar al-Iman.
- al-Uthaymin, Muhammad bin Salih. (1415 AH [Anno Hijriah]). *Al-Qaul al-Mufid 'ala Kitab al-Tauhid*, Jilid 1. t.k. [tanpa kota]: Dar al-'Asimah.
- al-Uthaymin, Muhammad bin Salih. (1421 AH [Anno Hijriah]). *Syarh al-Aqidah al-Wasitiyyah*, Jilid 1. Saudi Arabia: Dar Ibn al-Jawzi.
- al-Uthaymin, Muhammad bin Salih. (1422 AH [Anno Hijriah]). *Aqidah Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah*. Riyadh: Al-Maktab al-Ta'awuni li al-Da'wah wa al-Irsyad wa Taw'iyat al-Jaliyat.
- al-Uthaymin, Muhammad bin Salih. (1427 AH [Anno Hijriah]). *Syarh Riyadh al-Salihin min Kalam Sayid al-Mursalin*, Jilid 5. Riyadh: Madar al-Watan.
- al-Uthaymin, Muhammad bin Salih. (1995). *Aqidah Ahlussunnah wal-Jama'ah*. Jakarta: Yayasan al-Sofwa, terjemahan Muhammad Yusuf Harun.
- al-Wahhab, 'Abd Rahman bin Hasan bin Muhammad bin 'Abd. (1999). "Al-Risalah al-Thalithah fi 'Anwa' al-Tauhid wa 'Anwa' al-Syirk" dalam *Majmu'ah al-Tawhid al-Najdiyyah*. Riyadh: Maktabah al-Malik Fahd al-Wataniyyah.
- al-Wahhab, 'Abd Rahman bin Hasan bin Muhammad bin 'Abd. (2002). *Fath al-Majid li Syarh Kitab al-Tauhid*. Riyadh: Dar al-Mu'ayyad.
- al-Wahhab, Muhammad bin 'Abd. (t.th. [tanpa tahun] a). *Al-'Usul al-Salathah*. Riyadh: Dar-us-Salam Publications.
- al-Wahhab, Muhammad bin 'Abd. (t.th. [tanpa tahun] b). *Kasyf Syubuhah*. Riyadh: Dar-us-Salam Publications.
- al-Wahhab, Muhammad bin 'Abd. (1996). *Kitab al-Tauhid*. Riyadh: Dar-us-Salam Publications.
- al-Wahhab, Sulaiman bin 'Abd Allah bin Muhammad bin 'Abd. (2007). *Taisir al-Aziz al-Hamid fi Syarh Kitab al-Tauhid*, Jilid 1. Riyadh: Dar al-Sumai'i.
- 'Atiq, Hamd bin 'Ali bin Muhammad bin. (1995). *Ibtal al-Tandid bi Ikhthisar Syarh Kitab al-Tauhid*. Pakistan: Dar al-Kitab wa al-Sunah.
- Azra, Azyumardi. (2004). *The Origins of Islamic Reformism in Southeast Asia: Networks of Malay-Indonesian and Middle Eastern 'Ulama' in the Seventeenth and Eighteenth Centuries*. Australia: Allen & Unwin.
- Barahmin, Yasin Ahmad. (1413 AH [Anno Hijriah]). *Lamhat 'an Tarikh Madrasah Dar al-'Ulum al-Diniyyah bi Makkah al-Mukarramah, 1353-1410 H*. t.k. [tanpa kota]: t.p. [tanpa penerbit].
- Basmeih, Abdullah. (2000). *Tafsir Pimpinan Al-Rahman kepada Pengertian Al-Qur'an*. Kuala Lumpur: Darul Fikr, edisi Jawi.
- Baz, 'Abd al-'Aziz bin 'Abd Allah (t.th. [tanpa tahun]). *Fatawa Nur 'Ala al-Darb*. t.k. [tanpa kota]: Mu'assasah al-Syaikh 'Abd al-'Aziz bin Baz Khairiyyah.
- Bizawie, Zainul. (2016). *Masterpiece Islam Nusantara: Sanad dan Jejaring Ulama-Santri, 1830-1945*. Ciputat, Tangerang: Pustaka Compass.
- Bleicher, Josef. (1980). *Contemporary Hermeneutic as Method, Philosophy, and Critique*. London: Routledge.
- Bori, Caterina & Livnat Holtzman [eds]. (2010). *A Scholar in the Shadow: Essays in the Legal and Theological Thought of Ibn Qayyim al-Gawziyyah*. Roma: Istituto per l'Oriente, C.A. Nallino Oriente Moderno, Nuova Serie, Anno 90.
- Bruinessen, Martin van. (1995). *Kitab Kuning, Pesantren, dan Tarikat*. Bandung: Penerbit Mizan, Terjemahan.
- Firdaus. (2015). "Konsep Al-Rububiyah (Ketuhanan) dalam Alquran" dalam *Jurnal Diskursus Islam*, Vol.3, No.1, ms.102-118.
- Hamzah, Azizah. (2010). "Kaedah Kualitatif dalam Penyelidikan Sosiobudaya" dalam *Jurnal Pengajian Media Malaysia*, Volume 6(1).
- Hanafi, Muchlis. (2014). "Tafsir Al-Sa'di tentang Sifat Allah dan Takdir: Studi Pemikiran Teologi al-Sa'di dalam Taysir al-Karim al-Rahman fi Tafsir Kalam al-Mannan". *Tesis Magister Tidak Diterbitkan*. Jakarta: SPS UIN [Sekolah Pasca Sarjana, Universitas Islam Negeri] Syarif Hidayatullah. Wujud secara online pula di: <http://repository.uinjkt.ac.id/dspace/bitstream/123456789/> [diakses di Kuala Kangsar, Perak Darul Ridzuan, Malaysia: 16hb September 2017].
- Hanifah, Imam Abu. (1988). *Al-Fiqh al-Akbar*. Bandung: Penerbit Pustaka, terjemahan Afif Muhammad.
- Ibn Battah, Al-Imam Abu 'Abdi Allah 'Ubaid Allah ibn Muhammad ibn Battah al-'Ukbariy @. (1418 AH [Anno Hijriah]). *Al-Ibanat 'an Syariat al-Firq al-Najiyah wa Mujanabat al-Firq al-Madhmumat*. Madinah Munawwarah: Al-Jami'ah al-Islamiyyah.
- Ibn Mandah, Abu 'Abd Allah Muhammad bin Ishaq bin Mandah @. (1413 AH [Anno Hijriah]). *Kitab al-Tauhid*, Jilid 1, 2 dan 3. Madinah Munawwarah: Al-Jami'ah al-Islamiyyah.
- Ibn Mandah, Abu 'Abd Allah Muhammad bin Ishaq bin Yahya bin Mandah @. (1986). *Tauhid Asma*. Beirut: Mu'assasat al-Risalah.
- Ibn Mandah, Abu 'Abd Allah Muhammad bin Ishaq bin Yahya bin Mandah @. (1990). *Tauhid Sifat*. Beirut: Mu'assasat al-Risalah.
- Ibnu Taimiyyah, Abul Abbas Taqiy ad-Din Ahmad

- bin Abdus Salam bin Abdullah bin Taimiyyah al-Harrani @. (t.th. [tanpa tahun]). *Al-Aqidah al-Wasitiyyah*. Beirut: Dar al-Arabiyyah.
- Ibnu Taimiyyah, Abul Abbas Taqiy ad-Din Ahmad bin Abdus Salam bin Abdullah bin Taimiyyah al-Harrani @. (2004). *Majmu' Fatawa*, Jilid 1, 2, 5 dan 6. Riyadh: Wizarah al-Syu'un al-Silamiyyah wa al-Awqaf wa al-Da'wah wa al-Irsyad.
- Ishak, Muhammad Abdul Karim. (2014). *Risalah Qusyairiyah*. Jakarta: Pustaka Amani, Terjemahan.
- Ismail, Ainol Amriz. (2014). "Tujuh Resolusi K-Akidah Dirumus: Tujuan Memantapkan Akidah Umat Islam" dalam *Utusan Online*. Kuala Lumpur: Jumaat, 5 Disember. Wujud secara online pula di: <http://www.utusan.com.my/berita/nasional/tujuh-resolusi-k-akidah-dirumus-1.32760> [diakses di Kuala Kangsar, Perak Darul Ridzuan, Malaysia: 16hb Januari 2018].
- JAIS [Jabatan Agama Islam Selangor]. (2016). *Larangan Menggunakan Kitab Iman: Rukun, Hakikat, dan Pembatalannya oleh Dr. Muhammad Naim bin Yasin di Masjid dan Surau Seluruh Negeri Selangor*. Selangor: Penerbit Jabatan Agama Islam Selangor.
- Jasmi, K.A. (2012). "Metodologi Pengumpulan Data dalam Penyelidikan Kualitatif" dalam *Kursus Penyelidikan Kualitatif*, Siri 1. Organized by Institut Pendidikan Guru Malaysia, Kampus Temenggong Ibrahim, Jalan Datin Halimah, 80350 Johor Bahru, Negeri Johor Darul Ta'zim, pada 28-29 Mac. Wujud secara online juga di: <https://www.researchgate.net/publication/293097563> [diakses di Kuala Kangsar, Perak Darul Ridzuan, Malaysia: 11hb Januari 2018].
- Jawas, Al-Ustadz Yazid bin Abdul Qadir. (2012). "Azas Islam adalah Tauhid dan Menjauhkan Syirik". Wujud dalam online di: <https://almanhaj.or.id/3190-azas-islam-adalah-tauhid-dan-menjauhkan-syirik.html> [diakses di Kuala Kangsar, Perak Darul Ridzuan, Malaysia: 16hb September 2017].
- Kaelan. (2010). *Metode Penelitian Agama: Kualitatif Interdisipliner*. Yogyakarta: Penerbit Paradigma.
- Khaldun, 'Abd al-Rahman bin Muhammad ibn. (2004). *Muqaddimah Ibn Khaldun*. Jilid 2. Damsyik: Maktabah al-Hidayah.
- Kiki, Rakhmad. (2011). *Genealogi Intelektual Ulama Betawi: Melacak Jaringan Ulama Betawi dari Abad ke-19 sampai Abad ke-21*. Jakarta: Jakarta Islamic Centre.
- "Mufti Pahang Gesa Henti Ajar Konsep Tauhid Tiga Serangkai di Sekolah" dalam *Malaysia Stylo*, pada tarikh 30hb Ogos 2016. Wujud secara online pula di: <http://www.malasiastylonews.com/156371/mufti-pahang-gesa-henti-ajar-konsep-tauhid-tiga-serangkai-di-sekolah/> [diakses di Kuala Kangsar, Perak Darul Ridzuan, Malaysia: 16hb September 2017].
- Nonchi, Mohd Hairi. (2013). *Orang Kata Wahhabi ialah* Selangor, Malaysia: Bushra Studio & Publication.
- Nu'mani, Shibli. (1998). *Imām Abū Ḥanīfah: Life and Works*. New Delhi: Islamic Book Service, translated by M. Hadi Hussain.
- PPI [Panel Penyelidik Institut] al-Qayyim. (2009). "Pembahagian Tauhid Sebelum Ibn Taimiyyah" dalam *Pertubuhan Kebajikan al-Qayyim Malaysia*. Wujud secara online pula di: <http://al-qayyim.org/galeri/berita-artikel/33-isu-semasa/1089-993> [diakses di Kuala Kangsar, Perak Darul Ridzuan, Malaysia: 13hb Januari 2018].
- Rida, Muhammad Rasyid. (1947). *Tafsir al-Quran al-Hakim*, Jilid 10 dan 11. Kaherah: Dar al-Manar.
- Sadr al-Din, 'Ali bin 'Ali bin Muhammad bin Abi al-'Izz al-Hanafi. (1418 AH [Anno Hijriah]). *Syarh al-Tahawiyyah fi al-Aqidah al-Salafiyyah*. Riyadh: Wizarah al-Syu'un al-Islamiyyah wa al-Awqaf wa al-Da'wah wa al-Irsyad.
- Sahak, Mohamad Abdul Kadir. (2014). *Ustaz, Berapakah Umur Ahli Syurga?* Selangor: PTS Millennia Sdn Bhd.
- Saifullah, Ustadz Arif Fathul Ulum bin Ahmad. (2015). "Antara Taqlid dan Ittiba". Wujud secara online di: <https://almanhaj.or.id/2194-antara-taqlid-dan-ittiba.html> [diakses di Kuala Kangsar, Perak Darul Ridzuan, Malaysia: 16hb Januari 2018].
- Sudianto, Sunardi bin. (2017). *Mengesakan Allah: Versi e-Book*. Bandung: House of Islamic Worldview. Wujud secara online juga di: https://www.researchgate.net/profile/Sunardi_Sunardi7/publication/301890949 [16hb Januari 2018].
- Taylor, S.J. & R. Bogdan. (1984). *Introduction to Qualitative Research Methods: The Search for Meanings*. Toronto: John Wiley and Sons, second edition.
- Wahid, Marzuki. (2005). *Studi Al-Qur'an Kontemporer: Perspektif Islam dan Barat*. Bandung: Pustaka Setia.
- Yasin, Mohammad Nu'im. (1978). *Al-Iman: Arkanuhu Haqiqatuhu wa Nawaqidhuhu*. Bandung: Alma'arif.
- Yasin, Mohammad Nu'im. (1994). *Yang Menguatkan yang Membatalkan Iman : Kajian Rinci Dua Kalimah Syahadah*. Jakarta: Gema Insani Press dan Penerbit Buku Andalan, diterjemah oleh Abu Fahmi dan disunting Juariyah Muhammad, cetakan ke-6.
- Yasin, Mohammad Nu'im. (1996a). *Yang Menguatkan yang Membatalkan Iman : Kajian Rinci Dua Kalimah Syahadah*. Kuala Lumpur: t.p. [tanpa penerbit].
- Yasin, Mohammad Nu'im. (1996b). *Persoalan Iman dan Perkara-perkara yang Merosakkannya*. Batu Caves, Malaysia: Pustaka Ilmi, terjemahan Mohd Sofwan Amrullah.
- Yasin, Mohammad Nu'im. (2007). *Iman Rukun: Hakikat dan Pembatalannya*. Alor Setar, Kedah,

- Malaysia: Pustaka Darussalam, terjemahan Abdul Rahman bin Haji Abdullah, dalam tulisan Jawi.
- Yasin, Mohammad Nu'im. (2014). *Iman Rukun: Hakikat dan Pembatalannya*. Alor Setar, Kedah, Malaysia: Pustaka Darussalam, terjemahan Abdul Rahman bin Haji Abdullah, edisi semakan dalam Bahasa Malaysia.
- Yulianti, Rahmani Timorita. (2008). "Pemikiran Ekonomi Islam Abu Yusuf" dalam *Jurnal Universitas Islam Indonesia*, ms.1-26.
- Zaidan, 'Abd al-Karim. (1976). *Usul al-Da'wah*. Baghdad: t.p. [tanpa penerbit].
- Zayd, Bakr Abu (1410 AH [*Anno Hijriah*])). *Fiqh al-Qadlaaya al-Mu'aashirah: Fiqh an-Nawaazil*. Riyadh: Dar-us-Salam Publications.
- Zed, Mestika. (2004). *Metode Penelitian Kepustakaan*. Jakarta: Penerbit YOI [Yayasan Obor Indonesia].